

# Kerajaan sentiasa pertahan Raja Berperlembagaan

PM komited pastikan negara bebas rasuah, salah guna kuasa

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan sentiasa menghormati dan terus mempertahankan kedaulatan institusi Raja Berperlembagaan, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan serta keistimewaan orang Melayu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kerajaan juga, kata Perdana Menteri, akan sentiasa menghormati dan terus mempertahankan anak negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum lain seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mengenai agenda pembangunan negara, beliau berkata, kerajaan akan terus memabitkan anak muda dan menerapkan mereka de-

ngan semangat kesukarelawan serta keusahawanan selain nilai murni supaya lebih produktif dan berdaya saing menghadapi perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Katanya, kerajaan juga komited untuk memulihkan negara supaya bebas daripada rasuah dan salah guna kuasa dengan mengukuhkan pentadbiran berdasarkan prinsip 'rule of law' dan pemisahan kuasa seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Patik berharap negara akan terus bebas daripada pelbagai bentuk penyelewengan untuk membolehkan Malaysia Baharu dapat dibangun dan dimajukan dengan lebih baik berbanding sebelum ini," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mempersembahkan ucapan tahniah bagi pihak kerajaan dan rakyat pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin

Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara, semalam.

Beliau berkata, kerajaan menyedari ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia yang semakin mencabar termasuk dalam bentuk halangan kepada perdagangan bebas serta ketidakstabilan mata wang global, boleh memberi kesan kepada negara.

"Untuk mengatasi keadaan itu, kerajaan akan sentiasa melakukan pelbagai strategi pada peringkat domestik dan antarabangsa bagi menghadapi cabaran berkenaan," katanya turut memaklumkan usaha kerajaan memulihkan kedudukan kewangan dan ekonomi negara serta melunaskan janji kepada rakyat yang semakin berhasil.

Pada masa sama, katanya, pelbagai inisiatif menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 mula dilaksanakan bagi memastikan kekayaan negara dapat diagih dengan menyeluruh ke arah merencanakan pertumbuhan ekonomi, seterusnya meningkatkan pendapatan rakyat.



*Dr Mahathir mempersembahkan ucapan tahniah kepada Al-Sultan Abdullah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2019 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam*

(Foto BERNAMA)

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, sambutan Hari Kebangsaan 2019 pada 31 Ogos lalu yang bertemakan 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' telah menyerlahkan kesepakatan dan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Katanya, ia sekali gus menunjukkan rakyat Malaysia boleh duduk bersama, berkongsi sesuatu nilai yang dihargai secara harmoni walaupun berlainan kaum serta berbeza latar belakang dan kepercayaan.

"Ini juga adalah manifestasi perpaduan rakyat Malaysia yang akan terus dipertahan dan diperkukuhkan. Sesungguhnya segala program dan projek pembangu-

nan hanya dapat berhasil dengan sebaiknya jika negara aman dan tersusun rapi.

"Rakyat juga kini semakin matang dalam menghadapi ancaman yang mampu memecah-belahkan perpaduan. Justeru, kerajaan Tuanku akan terus memperkukuhkan perpaduan dan melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan keharmonian kaum terus dipelihara," katanya.

Dalam mengejar arus pemodenan, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memastikan alam sekitar sentiasa terpelihara dan tidak diabaikan dengan pihak tidak bertanggungjawab akan di ambil tindakan tegas sewajarnya.

BERNAMA